

**SIARAN AKHBAR
UNTUK SIARAN SEGERA**

**KENYATAAN MEDIA ANIH BERHAD BERHUBUNG INSIDEN PERGADUHAN DI
KAWASAN REHAT & RAWAT GAMBANG**

Kuala Lumpur, 25 Disember 2018 - ANIH Berhad sedang menyiasat video insiden pergaduhan yang berlaku pada jam 1.30 pagi, 24 Disember, antara kakitangan penggerai Kawasan Rehat & Rawat (R&R) Gambang arah timur dengan seorang pemandu bas ekspres.

Syarikat berasa amat kesal dengan kejadian berkenaan dan ingin memaklumkan bahawa laporan polis berhubung insiden telah pun dibuat. Sekiranya didapati bersalah, kakitangan penggerai berkenaan akan dikenakan tindakan tatatertib yang sewajarnya mengikut prosidur tetap operasi syarikat.

ANIH Berhad juga ingin menegaskan bahawa segala tindakan yang dibuat kakitangan terbabit merupakan tingkah laku peribadinya dan ia tidak menggambarkan atau melambangkan prinsip syarikat. Syarikat juga tidak akan bertolak ansur terhadap sesiapa sahaja yang terlibat yang boleh menggugat kesejahteraan dan keselamatan pengunjung dan ketenteraman awam.

Oleh itu, sebagai pemegang konsesi Lebuhraya Pantai Timur (LPT) yang merangkumi komponen Lebuhraya Kuala Lumpur-Karak (KLK) dan Lebuhraya Pantai Timur Fasa 1 (LPT 1), syarikat ingin memberi jaminan bahawa keselamatan pengguna dan ketenteraman awam adalah keutamaan kami. Berhati-hati jalan raya **#LPTdihati**.

Tentang ANIH Berhad

ANIH Berhad adalah pemegang konsesi Lebuhraya Pantai Timur (LPT) yang merangkumi komponen Lebuhraya Kuala Lumpur-Karak (KLK) dan Lebuhraya Pantai Timur Fasa 1 (LPT 1), sepanjang 250 kilometer (KM). Bermula dari Gombak di KM 19.2 Lembah Klang hingga ke Jabor di KM 250 Terengganu, LPT menyingkatkan masa perjalanan, dari Lembah Klang ke bandar-bandar utama di sebelah Pantai Timur, terutamanya Kuantan. Operasi tol dan penyenggaraan rangkaian-rangkaian lebuh raya ANIH Berhad diurus oleh Kumpulan MTD.

Untuk pertanyaan, sila hubungi:

1. Fazlyaton Hussein, Ketua, Komunikasi Korporat Kumpulan
fazlyaton.hussein@mtdgroup.com.my
2. Ahmad Farizal Abdul Hajat, Pengurus, Komunikasi Korporat Kumpulan
farizal.hajat@mtdgroup.com.my
3. Sofia Roseli, Eksekutif, Komunikasi Korporat Kumpulan
sofia.roseli@mtdgroup.com.my

Siaran Akhbar dikeluarkan bagi pihak ANIH Berhad oleh:

**Jabatan Komunikasi Korporat Kumpulan
Kumpulan MTD**

Menara MTD, 1, Jalan Batu Caves, 68100 Batu Caves, Selangor Darul Ehsan, Malaysia
Tel : 03-6195 1111 Fax : 03-6187 5055 Website : www.mtdgroup.com.my